

AKTIVITI : SAMBUTAN MAJLIS HARI INOVASI INSTUN TAHUN 2021

TARIKH: 24 November 2021 (Rabu)

TEMPAT : Felda Residence Hot Spring Sg. Klah, Sungkai, Perak

PENGLIBATAN : 60 orang

RINGKASAN PROGRAM:

INSTUN sekali lagi telah menyambut Hari Inovasi bagi Tahun 2021 dalam usaha untuk menyemarakkan semangat inovasi di kalangan kakitangan INSTUN secara keseluruhannya. Inovasi atau pembaharuan adalah antara elemen penting dalam memastikan perkhidmatan yang diberikan sentiasa berada pada tahap cemerlang. Usaha menjadikan elemen inovasi sebagai pemangkin kecemerlangan perkhidmatan perlu diterapkan kepada semua warga jabatan di pelbagai peringkat bermula daripada pengurusan tertinggi hinggalah kepada kumpulan sokongan.

Pada tahun ini, sebanyak 4 kategori telah dipertandingkan iaitu Anugerah Penulisan Penyelidikan, Anugerah Penulisan Artikel, Anugerah Penciptaan Poster Penyelidikan dan Anugerah Kumpulan KIK. Kesemua anugerah-anugerah ini telah dipertandingkan bermula seawal bulan Mac 2021 sehinggalah tarikh tutup pada 30 September 2021. Penglibatan dalam kategori-kategori yang dipertandingkan berupaya meningkatkan mutu kemahiran dan kepakaran dalam bidang tugas harian disamping menghasilkan cetusan-cetusan idea yang mampu membawa INSTUN ke arah yang lebih berprestij. Pada tahun ini juga INSTUN telah mendapat sebanyak empat penyertaan kumpulan KIK yang baharu dengan penglibatan kakitangan dari pelbagai bahagian. Projek-projek ini dijangka dapat dijadikan sebagai produk yang berupaya untuk dipertandingkan di mana-mana pertandingan sama ada di peringkat agensi/jabatan negeri mahupun persekutuan.

Selain meraikan penerima-penerima anugerah yang dipertandingkan, majlis ini juga turut diselitkan dengan sesi pelancaran sebanyak lima buah penerbitan buku INSTUN terdiri daripada Jurnal INSTUN Volume 4 Tahun 2021, Pelan Strategik INSTUN 2021-2025, Monograf dalam bidang Tanah dan Teknologi Maklumat dan Pelan Antirasuah Organisasi yang telah disempurnakan oleh Pengarah INSTUN.



Penyampaian anugerah-anugerah yang dipertandingkan sempena Hari Inovasi INSTUN Tahun 2021



Turut dimuatkan dengan sesi pelancaran buku-buku terbitan INSTUN tahun 2021.



Bergambar kenangan kakitangan INSTUN yang telah menjayakan Hari Inovasi INSTUN Tahun 2021